



SIARAN MEDIA

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PERSIDANGAN SAGA AGENSI KERAJAAN (SeGAC) BUKTI KOMITMEN KERAJAAN TERHADAP PENDIGITALAN BIDANG KEWANGAN DAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM

Kepala Batas, 19 Ogos 2025 – Akauntan Negara Malaysia (ANM), YBhg. Datuk Nor Yati Ahmad telah menyempurnakan perasmian Persidangan SAGA Agensi Kerajaan (SeGAC) di sini, hari ini.

Persidangan anjuran Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) dengan kerjasama Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang dihadiri oleh hampir 500 orang peserta terdiri dari pelbagai sektor ini berlangsung selama dua (2) hari iaitu dari 18 hingga 20 Ogos 2025. Objektif persidangan ini adalah memberi pendedahan komprehensif kepada delegasi mengenai perkembangan teknologi terkini, perkongsian maklumat strategik mengenai sistem perakaunan dan kewangan berkomputer yang memenuhi Pematuhan Sistem Perakaunan Standard bagi Agensi Kerajaan (SAGA) serta sebagai platform eksklusif yang menghubungkan Agensi Kerajaan dan JANM.

Persidangan ini menyaksikan lapan (8) sesi pembentangan meliputi bidang ekonomi, teknologi pendigitalan, kemampanan, kepimpinan, motivasi, pengauditan, kewangan dan pembangunan organisasi yang menampilkan 13 orang panel yang hebat dan berpengalaman dalam bidang masing-masing.

Tema persidangan ini adalah **Evolusi Digital Teras Kemampanan Era Baharu**. Menurut ANM, YBhg. Datuk Nor Yati Ahmad, *“Tema ini dipilih bagi merealisasikan aspirasi negara untuk menyahut transformasi teknologi selaras dengan dasar **Malaysia MADANI** di mana salah satu teras utamanya adalah **kemampanan (sustainability)**. Tema ini menekankan kepentingan transformasi digital dalam kewangan dan perakaunan sektor awam melalui inovasi seperti kecerdasan buatan (Artificial Intelligence) dan data analitik bagi memperkukuh tatakelola kewangan negara yang cekap, telus dan mampan.”*

SAGA merangkumi sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang dibangunkan atau *Commercial Off-The-Shelf* (COTS) serta sistem sokongan berkaitan data kewangan yang berintegrasi dengannya. Sistem aplikasi tersebut perlu mematuhi kriteria reka bentuk yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) yang berkuat kuasa.

SAGA bertujuan untuk memastikan penyata kewangan agensi kerajaan dapat disediakan dengan lebih cepat, tepat, kemas kini, berintegriti, mematuhi piawaian perakaunan yang diterima pakai serta memantapkan pengurusan perakaunan dan kewangan agensi kerajaan. Selain itu, ia juga bertujuan memastikan keselamatan sistem, data dan maklumat terjamin dari aspek kerahsiaan (*confidentiality*), integriti (*integrity*) dan ketersediaan (*availability*) iaitu data dan maklumat dilindungi, terpelihara, lengkap serta boleh diakses pada bila-bila masa.

Agensi Kerajaan akan diberikan Sijil Pematuhan SAGA setelah sistem aplikasi perakaunan dan kewangan diperakukan memenuhi Kriteria Pematuhan SAGA dan diluluskan oleh JANM.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

19 OGOS 2025